

BAB IV

KESIMPULAN

Terdapat beberapa sebab yang diutarakan untuk menerangkan gejala kemiskinan yang masih berterusan di kalangan petani padi. Sukor (1985) telah menyenaraikan faktor-faktor tersebut sebagai berkaitan dengan pemilikan tanah yang kecil, kadar sewa tanah yang tinggi, pertambahan penduduk, kadar hasil yang rendah, kekurangan tenaga buruh, kekurangan aktiviti luar - sawah dan kepelbagaian tanaman dan akhir sekali kos sara hidup dan kos tanaman (production).

Saiz ladang yang tidak ekonomik merupakan sebab yang utama mengapa berlakunya kemiskinan di kalangan petani padi di kebanyakan tempat kajian yang dijalankan (Chamhuri Siwar, 1985). Ini jelas terbukti di kalangan petani padi di Kampung Surau. Dari Jadual 3.5 (Bab III), kita dapati tidak seorang pun petani padi di kampung ini yang mengerjakan sawah mereka di tahap saiz optimum iaitu 2.03 hektar (6.11 ekar) dan ini dengan sendirinya dapat menjelaskan kepada kita mengapa 20 responden yang terdiri dari petani padi berada dalam kancah kemiskinan. Saiz ini dianggap dapat menghasilkan pendapatan untuk mengangkat mereka melewati garis kemiskinan (Lai dan Arope, 1971). Setiap seekar padi yang ditanam oleh petani padi Kampung Surau hanya menghasilkan pendapatan sekitar \$300 seekar atau 500 kati, suatu kadar hasil yang rendah.

Kemiskinan petani padi di Kampung Surau dapat juga dikaitkan dengan pekerjaan tambahan yang dilakukan sebagai strategi untuk menambah pendapatan. Menanam tembakau merupakan pekerjaan tambahan

keseluruhan petani padi Kampung Surau. Pergantungan kepada sejenis tanaman yang berasaskan padi sahaja tidak mempunyai masa hadapan yang cerah. Tanaman padi dua kali setahun pun hanya menghasilkan pendapatan kira-kira satu perlima daripada pendapatan tanaman yang lebih menguntungkan seperti tembakau dan koko (Huang, 1975b; Hashim, 1980). Walaupun kerja tambahan ini dilakukan, namun para petani padi Kampung Surau masih tidak dapat melepasi garis kemiskiann. Ini kerana saiz tanah/ladang adalah kecil (lihat Jadual 3.7) walaupun hasil dari tanaman tembakau adalah lebih tinggi daripada padi iaitu \$3000 bersih seekar.

Taraf pendidikan yang diterima juga dapat menerangkan mengapa kemiskinan berlaku di kalangan petani padi Kampung Surau. Suatu yang nyata ialah kebanyakan petani mendapat pendidikan setakat sekolah rendah sahaja (lihat Jadual 2.7, Bab II). Mereka yang berpendidikan rendah ini seperti petani padi terpaksa tinggal di kampung dan melakukan kerja-kerja pertanian. Mereka yang mendapat pendidikan tinggi meninggalkan kampung dan mendapat pekerjaan sama ada dengan pihak kerajaan atau pihak swasta (lihat Jadual 2.2, Bab II). Apa yang jelas juga di kampung ini ialah mereka yang berpendidikan tinggi seperti guru, pegawai kerani dan lain-lain lagi terlepas dari belunggu kemiskinan.

Kesimpulannya, yang jelas dan dapat diperhatikan ialah kemiskinan yang berterusan dan dialami oleh petani padi Kampung Surau disebabkan oleh saiz pemilikan tanah yang kecil dan kadar hasil atau pulangan yang rendah.